



**SIARAN AKHBAR**  
**UNTUK SIARAN SEGERA**  
**19 MEI 2024**

---

## **EDISI SULUNG RHB WCE CENTURY RIDE 2024 MENARIK LEBIH 3,000 PESERTA BERBASIKAL DARI SELURUH DUNIA**

---

**Sitiawan, Perak** - Kumpulan Perbankan RHB ("RHB" atau "Kumpulan") dengan kerjasama West Coast Expressway Sdn. Bhd. ("WCE"), hari ini menutup edisi sulung RHB WCE Century Ride, yang pertama kali diadakan di lebuh raya tertutup di Malaysia, dengan penuh meriah. Lebih daripada 3,000 peserta dari seluruh negara dan dunia, termasuk peserta sejauh dari Argentina berkayuh merentasi panorama indah sepanjang Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE).

Acara pelepasan RHB WCE Century Ride disempurnakan oleh YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya Malaysia, pada pukul 6:45 pagi di Plaza Tol Lekir, Perak, dan mencetuskan suasana gembira apabila peserta berbasikal bersaing untuk mendahului penunggang lain. Edisi sulung RHB WCE Century Ride yang berlangsung sempena Tahun Melawat Perak 2024 ini, menawarkan empat kategori dengan jarak kayuhan sepanjang 160 km, 90 km, 28 km, dan 14 km di Lebuhraya WCE dan disertai oleh peserta pelbagai peringkat umur dan tahap kecergasan.

"RHB-WCE Century Ride merupakan komitmen RHB untuk memperkasakan rakyat Malaysia melalui 'Ride For Good'. Melalui acara-acara kayuhan kami, pelbagai faedah kesihatan dapat diperoleh dengan mempromosikan senaman rendah impak yang menguatkan otot, mengurangkan risiko pelbagai penyakit, dan meningkatkan sistem imun. Lebih-lebih lagi, kayuhan menggalakkan kesedaran diri, meningkatkan mood, dan melegakan kesakitan dengan melepaskan neurokimia. Kategori-kategori inklusif kami serta laluan berbasikal yang selamat (di lebuhraya tertutup) bertujuan untuk memenuhi keperluan semua orang dari segi kecergasan, umur dan jantina. Keyakinan peserta akan menyokong misi kami untuk mempromosikan gaya hidup lebih sihat dan memupuk hubungan komuniti," kata Pengarah Pengurusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perbankan RHB, Mohd Rashid Mohamad.



"Selain itu, RHB WCE Century Ride berfungsi sebagai pemangkin ekosistem sukan berbasikal dari segi ekonomi, dengan menyediakan platform bagi perniagaan tempatan untuk berkembang serta mendekatkan mereka dengan penggemar sukan. Acara ini juga memupuk hubungan komuniti dan menyokong pelancongan tempatan bersempena Tahun Melawat Perak 2024," tambah Mohd Rashid.

"Kami berbangga dapat menganjurkan Century Ride yang julung kalinya diadakan di Lebuhraya WCE seiring dengan Tahun Melawat Perak 2024. Buat pertama kalinya, peserta dapat pengalaman baru dengan berbasikal sambil menikmati keindahan pemandangan sepanjang jajaran Lebuhraya WCE, termasuk Seksyen Taiping Selatan WCE 11 yang baru sahaja dibuka. Sokongan padu daripada ribuan penunggang basikal dari dalam dan luar negara memberikan inspirasi dan membuktikan semangat perpaduan serta kesukanan dalam acara RHB WCE Century Ride 2024. Kejayaan penganjuran RHB WCE Century Ride 2024 menandakan satu pencapaian penting bagi kami sejak pembukaan WCE pada tahun 2019 yang meliputi 3 seksyen di Perak dan satu di Selangor. Kami amat berterima kasih atas sokongan daripada rakan kongsi, pihak berkepentingan, sukarelawan, dan pihak berkuasa tempatan. Kami berharap dapat menganjurkan lebih banyak acara seperti ini pada masa hadapan bagi mempromosikan gaya hidup sihat serta merancakkan industri pelancongan, sekaligus mempamerkan keindahan pemandangan Lebuhraya WCE," kata Lyndon Alfred Felix, Ketua Pegawai Eksekutif West Coast Expressway Sdn. Bhd.

Lebih daripada 830 penunggang basikal berpeluang merasai pengalaman berkayuh dalam laluan "century" sepanjang 160 km, menempuh pendakian yang mencabar dan meluncur turun dengan penuh semangat. Hadiah wang tunai telah dianugerahkan kepada tiga pemenang teratas bagi setiap kategori di bawah Century Ride 160 km dan laluan 90 km (*rujuk Lampiran A untuk Senarai Pemenang*).

RHB WCE Century Ride 2024 bertujuan untuk mempromosikan pelancongan berbasikal di negeri Perak dan mempamerkan keindahan pemandangan sepanjang jajaran Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat. Sorotan acara ini turut dimeriahkan dengan suasana karnival, di mana pengunjung disajikan dengan pelbagai aktiviti dan hiburan. Antara aktiviti yang disediakan termasuk persembahan muzik serta gerai makanan yang menawarkan hidangan tempatan. Terdapat juga pelbagai aktiviti yang dapat dinikmati oleh semua pengunjung bersama keluarga dan rakan-rakan pada hujung minggu ini.



“Akhir kata, RHB WCE Century Ride mempromosikan gaya hidup lebih sihat, memupuk hubungan komuniti, menjana ekonomi penduduk setempat, serta mempamerkan keindahan landskap serta alam semula jadi Malaysia,” tambah Mohd Rashid.

Kejayaan acara ini adalah hasil sokongan dan sumbangan besar dari Kementerian Kerja Raya Malaysia, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Polis Diraja Malaysia, penaja, sukarelawan, dan pihak berkuasa tempatan. Komitmen dan semangat mereka memainkan peranan penting dalam memastikan pengalaman yang menyeronokkan dan selamat bagi semua peserta.

Untuk keterangan lanjut berkenaan RHB WCE Century Ride, sila layari <https://wcecenturyride.com/> atau Facebook: WCE Century Ride, dan Instagram @wcecenturyride.